

Headline	TNB biayai 130 pelajar cemerlang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Bisnes	Page No	40
ArticleSize	163 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,367		



TNB biayai 130 pelajar cemerlang

TENAGA Nasional Berhad (TNB) membiayai seramai 130 pelajar cemerlang baru-baru ini, menjadikan lebih 12,000 pelajar menerima manfaat Biasiswa Yayasan Tenaga Nasional (YTN) sejak 1993 dengan perbelanjaan keseluruhan hampir RM1 bilion.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, menerusi YTN, TNB berharap dapat membentuk dan melahirkan generasi berkualiti ting-

gi yang cemerlang dalam akademik di samping mempunyai bakat kepimpinan yang tinggi.

“Faktor akademik dan kepimpinan penting dalam pemilihan para penerima biasiswa YTN. Pelajar terpilih ini mempunyai peluang untuk menjadi warga kerja TNB apabila tamat pengajian kelak dan diharapkan dapat menjadi pemimpin pelapis untuk menerajui TNB pada masa depan,” katanya pada Majlis Penganugerahan Biasiswa YTN 2019 di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Pelajar cemerlang Sijil Pela-



Sebahagian penerima biasiswa bergambar bersama Amir Hamzah (lima dari kanan) pada Majlis Penganugerahan Biasiswa YTN 2019 di Bangi, Selangor.

jaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2018 yang dianugerahi Biasiswa YTN kali ini terdiri da-

ripada pelbagai latar belakang. Selain cemerlang pelajaran, penerima juga aktif dalam kegiatan kokurikulum.